

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : KAPTEN AZAHARI BIN HASAN  
[ PADANG RENGAS ]**

**SOALAN**

**Kapten Azahari bin Hasan [ Padang Rengas ] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan status semasa permohonan naik taraf kemudahan awam yang disediakan di setiap stesen Keretapi Tanah Melayu (KTM) khususnya di KTM Padang Rengas kerana ada sesetengah daripadanya tidak mesra pengguna/OKU. Seperti contoh tiada lif untuk pengguna OKU berkerusi roda.**

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan (MOT) melalui Perbadanan Aset Keretapi (RAC) mengambil maklum terdapat keperluan untuk menaik taraf kemudahan yang terdapat di stesen-stesen kereta api.
2. Dalam hal ini, tumpuan utama yang diberikan oleh RAC adalah penyediaan kemudahan bagi menampung keperluan khas bagi golongan Orang Kurang Upaya (OKU), wanita mengandung dan warga emas. Langkah yang diambil oleh RAC ini adalah selaras dengan matlamat MOT untuk menyediakan sektor pengangkutan yang boleh diakses oleh semua golongan masyarakat.
3. RAC selaku pemilik dan pengurus aset-aset kereta api telah merancang dan melaksanakan penyediaan kemudahan lif secara berperingkat di semua stesen kereta api yang masih tiada kemudahan ini termasuk di Stesen Keretapi Padang Rengas.
4. Pada masa kini khususnya di Stesen Keretapi Padang Rengas perancangan pembinaan dijangka bermula pada suku ke empat tahun 2024. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek menaik taraf kemudahan ini telah dilaksanakan oleh RAC sejak tahun 2013 bermula di Stesen Keretapi Kampar dan diikuti Stesen Keretapi Tanjung Malim pada tahun 2019.
5. RAC akan memastikan inisiatif seumpama ini akan diteruskan dari semasa ke semasa bagi memastikan hasrat MOT untuk menggalakkan penggunaan pengangkutan awam dapat dipertingkatkan.

Sekian, terima kasih.